

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 89/90**

Mac/April 1990

EBS 102/2 - Mineral I

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan semuanya.

Sila jawab **(4) EMPAT** dari **(5) LIMA** soalan sahaja.

Semua jawapan mesti dimulakan pada mukasurat baru.

Semua soalan **MESTILAH** dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Terangkan, dengan rajah (kalau perlu) dan contoh, makna fenomena berikut:
 - a) Struktur cacat Schottky
 - b) Struktur cacat Frenkel
 - c) Pseudomorfisme
 - d) Transformasi Tertib-Taktertib (order-disorder)
 - e) Indeks Pembungkusan
 - f) Keperluan Am bagi Larutan Pepejal
 - g) Hukuman Pauling Pertama
 - h) Polimorfisme di dalam kumpulan KAl Si₃O₈ (25 markah)
2. a) Bincangkan larutan pepejal di dalam sistem dua-komponen Olivin.
(12 markah)

b) Dari analisa kimia satu mineral yang mana SiO₂ = 41%, FeO = 8.6%, MnO = 0.2% dan MgO = 50.0%, berikan formula kimia dan nama mineral ini. Berat atom bagi Si = 28 O = 16 Fe = 56 Mn = 55 dan Mg = 24. (% adalah peratus berat).
(13 markah)
3. i) Dari spesimen tangan, beri sekurang-kurangnya tiga ciri diagnostik yang akan anda gunakan untuk membezakan:
 - a) arsenopirit daripada kalkopirit
 - b) K - feldspar daripada kalsit
 - c) galena daripada sfalerit
 - d) piroksena daripada amfibol
 - e) biotit daripada grafit
 - f) emas daripada pirit
 - g) kuarza daripada intan
 - h) kianit daripada silimanit (16 markah)

- iii) Apakah peratus berat (wt.%) Sn dalam kasiterit, Mn dalam pirolusit (MnO_2), NaO dalam jadeit ($NaAlSi_2O_6$) dan Nb_2O_5 dalam kolumbit ($FeNb_2O_6$)? Berat atom untuk

Sn = 119

O = 16

Mn = 55

Na = 23

Al = 27

Si = 28

Nb = 93

Fe = 56

(9 markah)

4. a) Beri formula kimia, sistem kristal, kekerasan Mohr, ketumpatan dan kegunaan setiap mineral yang berikut:

- | | |
|---------------|------------------|
| a) hematit | g) beril (beryl) |
| b) pirhotit | h) diopsid |
| c) kovelit | i) muskovit |
| d) stibnit | j) sfena |
| e) molibdenit | k) albit |
| f) garnet | l) fluorit |

(12 markah)

- b) Apakah langkah-langkah yang penting yang perlu anda ambil untuk mengecamkan sesuatu mineral dengan cara pembelauan sinar-x.

(13 markah)

5. a) Bincangkan sebabnya kajian mineralogi adalah penting di dalam industri perlombongan dan juga untuk kilang pemprosesan mineral.

(15 markah)

- b) Satu batu yang mengandungi kuarza dan barit ada ketumpatan 3.6.

Apakah % berat barit? Ketumpatan barit = 4.8 dan ketumpatan kuarza = 2.65.

(5 markah)

- c) Bagaimanakah anda dapat mengasingkan zirkon daripada kuarza dalam makmal?

(5 markah)

- 0000000 -